

BAB 5: PENGANGKUTAN DI MALAYSIA

BAHAGIAN A

Arahan : Jawab **semua** soalan

5.1 Pengangkutan Darat di Malaysia

1. Antara berikut, lebuhraya manakah yang menghubungkan kawasan pantai barat dengan kawasan pantai timur di Semenanjung Malaysia?

- I Lebuhraya Persekutuan
- II Lebuhraya Utara - Selatan
- III Lebuhraya Kuala Lumpur - Karak
- IV Lebuhraya Timur - Barat

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

2. Maklumat di bawah adalah merujuk kepada lebuhraya apa?

Salah satu projek infrastruktur terbesar negara yang menghubungkan kawasan pedalaman dengan bandar – bandar di Sabah dan Sarawak.

- A** Lebuhraya Pan Borneo
- B** Lebuhraya Kuala Krai – Gua Musang – Kuala Lipis
- C** Lebuhraya Pantai Timur
- D** Lebuhraya Tun Razak

3. Bandar apakah yang menjadi stesen persimpangan antara pantai timur dengan pantai barat Semenanjung Malaysia bagi laluan pengangkutan kereta api?

- A** Ipoh
- B** Gemas
- C** Gua musang
- D** Kuala Lipis

5.2 Pengangkutan Udara dan Air di Malaysia

4. Berdasarkan **Peta 1** di bawah, pilih kombinasi yang betul antara lokasi dengan lapangan terbang antarabangsanya.



Peta 1

	Lokasi	Lapangan terbang antarabangsa
A	P	Lapangan terbang antarabangsa Kota Kinabalu
B	Q	Lapangan terbang antarabangsa Langkawi
C	R	Lapangan terbang antarabangsa Kuching
D	S	Lapangan terbang antarabangsa Senai

5. Pelabuhan manakah di Malaysia yang dapat dikaitkan dengan pernyataan di bawah?

- Terminal kontena yang paling canggih di Malaysia.
- Mendapat pengiktirafan sebagai '*Process Compliant Port / Terminal of The Year*' (2017) dari *Global Port Forum*.

- A Pelabuhan Klang
 B Pelabuhan Pulau Pinang
 C Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar
 D Pelabuhan Tanjung Pelepas

5.3 Pengangkutan Awam di Malaysia

6. Apakah persamaan di antara ketiga-tiga pengangkutan awam dalam Foto 1 di bawah?



Foto 1


- I Bersifat mesra alam
 - II Dapat membantu mengurangkan kesesakan di jalan raya
 - III Mengangkut barangan pukal dengan cepat ke destinasiya
 - IV Menghubungkan bandar dengan kawasan luar bandar
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

5.4 Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Jaringan Pengangkutan di Malaysia

7. Mengapakah jaringan jalan raya di Sabah dan Sarawak lebih tertumpu di sepanjang kawasan pantai sahaja?
- I Kawasan pinggir pantai luas dan tanahnya subur
 - II Kawasan pinggir pantainya terlindung dari tiupan angin monsun
 - III Bentuk muka bumi kawasan pedalamananya bergunung ganang
 - IV Kawasan pedalamananya berhutan tebal
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

5.5 Kepentingan Pengangkutan Darat, Udara dan Air di Malaysia

8. Berdasarkan **Rajah 1**, apakah kepentingan X ?



Rajah 1

- A Menggalakkan kegiatan import dan eksport dengan negara luar
- B Boleh menghubungkan Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak
- C Meningkatkan darjah ketersampaian terutama di kawasan pedalaman
- D Menyelesaikan masalah pencemaran udara di bandar

5.6 Kepentingan Pengangkutan Awam di Malaysia

9. Antara berikut, pengangkutan awam manakah yang dapat membantu mengurangkan pencemaran udara di kawasan bandar?

- A Teksi
- B Kereta api rel bersepadu
- C Bas henti-henti
- D Bas ekspres

5.7 Amalan Pengangkutan Lestari

10. Mengapakah penduduk disarankan menggunakan kereta hibrid?

- A Bersifat mesra alam
- B Kos harganya jauh lebih murah
- C Dapat membantu mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas
- D Dapat mengurangkan bilangan kenderaan di atas jalan raya